POLIS SENTRI

Permainan ini dimainkan secara berkumpulan terdiri dari empat atau lebih pemain. Asal perkataan sentry ini tidak dapat dipastikan dari mana diambil, tetapi ada yang menyatakan ianya akibat daripada pelat lidah kanak-kanak menyebut perkataan police and thief telah dimudahkan dengan menyebut polis sentry. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak perempuan mahupun lelaki berumur tujuh tahun keatas diluar rumah. Sebelum permainan dimulakan, pemain-pemain akan dibahagikan kepada dua pasukan dan tiada peralatan yang digunakan.

Satu kumpulan akan menjadi pasukan polis manakala satu kumpulan lagi akan menjadi kumpulan pencuri (thief). Pasukan polis akan cuba mengejar dan menangkap kumpulan pencuri dan membawa mereka ke tempat yang digelar penjara. Kumpulan pencuri pula akan mengelak dari ditangkap dan cuba mengeluarkan rakan mereka yang telah ditangkap dengan menepuk bahagian belakang bahu rakan mereka. Permainan tamat apabila semua pencuri telah berjaya ditangkap dan dimasukkan ke dalam 'penjara'.

POLICE AND THIEF

This is game is played by two teams, each consisting of at least four players. It is said to be originated from the ever-popular Police and Thieves game and is played outdoor by both girls and boys aged seven and above. One team becomes the police while the other as thieves. Members of the police aims to catch the thieves and consign them to a designated space at the station. Other members of the thieves try to avoid being caught and actively attempt to free their captured comrades by infiltrating the station and tapping the prisoners on the shoulder. The game ends when the last thief is caught and put in prison.



